KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	17/1/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	-			

Teknologi pengklonan elak Harimau Malaya pupus

Oleh ALYA AFIQAH ACHMAD TARMIZI
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Kegunaan sistem pembiakan terbantu, (ART) seperti pengklonan dan sel stem berupaya mengatasi masalah kepupusan Harimau Malaya.

Menurut pakar pembiakan haiwan, Dr. Wan Nor Fitri dari Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), teknologi pengklonan dan sel stem berpotensi tinggi mengatasi masalah populasi Harimau Malaya yang semakin kritikal dan mengelakkan kepupusan haiwan tersebut.

"Dari segi praktikal, pembiakan semula jadi penting untuk kelestarian populasi harimau Malaya. Namun, kejayaan pembiakan secara semula jadi agak terhad.

"Oleh itu, teknologi ART seperti permanian beradas, AI, adalah cara yang terbaik untuk menambah populasi Harimau Malaya.

"Terdapat pasangan harimau yang mempunyai cabaran untuk dibiakkan. Harimau mempunyai naluri sendiri dan perlu mengalami proses yang rumit dan panjang semasa musim pembiakan.

"Lalu, ada haiwan yang sukar untuk membiak walaupun telah dipasangkan, jadi kita boleh bantu dengan teknologi AI, katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Wan Nor Fitri memberitahu, kaedah ART lain seperti pengklonan berpotensi tinggi untuk mengawal kepupusan Harimau Malaya, namun, memerlukan masa dan dana yang banyak, tambahan pula bilangan harimau semakin sedikit, lalu, keutamaan pembiakan ART yang lebih mudah seperti AI harus diutamakan.



DUA ekor Harimau Malaya, Hebat dan Wira menyambut ulang tahun ke-2 di Zoo Negara di sini, Mei tahun lalu.- UTUSAN/ MUHAMAD IQBAL ROSLI

Kaedah pengklonan dan sel stem, katanya, digabungkan dengan penyuntingan gen seperti CRISPR-Cas9 yang merupakan jalan penyelesaian jangka masa panjang bagi mengekang penyakit berbahaya seperti Canine Distemper Virus (CDV) pada harimau Malaya.

"Saya berharap Harimau Malaya tidak akan pupus dalam tempoh jangka masa pendek dalam lima tahun. Namun, Harimau Malaya masih akan diancam kepupusan dalam jangka masa panjang, tempoh 30 ke 40 tahun jika kepelbagaian genetik tidak diperkaya.

"Kembali semula kepada permainan beradas, dengan penyimpanan sel ovum dan sperma dari pelbagai Harimau Malaya, kita mempunyai kumpulan genetik yang bervariasi. Variasi genetik yang kita boleh simpan dan gunakan apabila perlu, ujarnya.

Beliau menambah, penyelidikan penyelesaian ini perlu diberi ruang untuk kegagalan selain menerima sumbangan dari kerajaan dan orang ramai kerana cara penyelesaian tersebut tidak sempurna dan memerlukan jangka masa panjang untuk ujian makmal.

Utusan 17.1.2022_12